SIARAN SERTA MERTA
MOTAC.100-2/1/18 JLD 5 (68)

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

MOTAC PANDANG SERIUS DAKWAAN PENYAMARAN IDENTITI DAN PENYALAHGUNAAN NAMA KEMENTERIAN SERTA JABATAN WARISAN NEGARA (JWN)

Merujuk kepada pemakluman Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) berhubung kegiatan penipuan yang menyasarkan ejen pelancongan melalui penyamaran sebagai wakil jabatan kerajaan bertarikh 2 November 2026.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) memandang serius dakwaan penyamaran identiti dan penyalahgunaan nama Kementerian serta Jabatan Warisan Negara (JWN) oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi tujuan memperdaya sebuah syarikat pelancongan.

Dalam satu insiden, kes terbabit melibatkan satu program yang dikenali sebagai “Program Lawatan Rasmi (1 Oktober hingga 4 Oktober 2026)”. Syarikat pelancongan terbabit mendakwa telah menerima tempahan daripada individu yang memperkenalkan diri sebagai wakil JWN berserta dokumen yang dikatakan sebagai *Purchase Order* (PO). Selain itu, komunikasi melalui aplikasi *WhatsApp* turut dilaporkan menggunakan nama dan identiti seorang pegawai kanan MOTAC.

MOTAC memandang serius sebarang tindakan yang melibatkan penyalahgunaan nama, identiti pegawai kerajaan serta dokumen yang dikaitkan dengan urusan rasmi Kerajaan tanpa kebenaran. Perbuatan sedemikian bukan sahaja boleh mengelirukan pihak berkepentingan, malah berpotensi menjejaskan reputasi dan kredibiliti Kementerian, JWN serta perkhidmatan awam.

Sehubungan dengan itu, MOTAC sedang mengambil langkah sewajarnya bagi mendapatkan pengesahan lanjut berhubung perkara ini dan akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa bagi membantu siasatan serta tindakan lanjut.

Dalam hal ini, MOTAC ingin menasihatkan orang ramai, syarikat pelancongan, penyedia perkhidmatan dan semua pihak berkepentingan supaya sentiasa berwaspada terhadap sebarang urusan yang menggunakan nama MOTAC, JWN atau mana-mana pegawai kerajaan.

Pihak yang menerima sebarang tempahan, arahan kerja atau dokumen pesanan yang dikaitkan dengan Kementerian dan jabatan berkaitan hendaklah membuat pengesahan terlebih dahulu melalui saluran rasmi sebelum mengambil sebarang tindakan. Orang ramai juga dinasihatkan agar tidak membuat sebarang pembayaran atau komitmen kewangan berdasarkan arahan, dokumen atau komunikasi yang belum disahkan kesahihannya.

Sebarang komunikasi atau dokumen yang mencurigakan hendaklah disemak dengan pihak berkenaan dan dilaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat unsur penipuan.

MOTAC menegaskan bahawa Kementerian tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk penyalahgunaan nama dan identiti Kementerian, JWN atau pegawai kerajaan. Kerjasama semua pihak amat penting bagi membendung kegiatan sedemikian serta memastikan integriti urusan rasmi Kerajaan sentiasa terpelihara.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
24 NOVEMBER 2026

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Telefon: 03-8000 8000 Faksimili: 03-8891 7181
Laman sesawang: www.motac.gov.my E-mel: group.ukk@motac.gov.my
Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac